

Ekonomi perlu diperkukuh sebelum penuhi tuntutan

Anwar minta penjawat awam sabar tunggu kenaikan gaji

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta penjawat awam bersabar terlebih dahulu dan memberi peluang kerajaan pimpinannya kukuhkan ekonomi negara sebelum isu membatalkan tuntutan mereka, termasuk kos sara hidup ditangani.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa ketika ini negara sedang berdepan hutang RM1.5 trilion, selain defisit pada kadar 5.6 peratus.

Justeru itu, katanya, kerajaan tidak boleh bersetuju dengan desakan Kongres Kesatuan Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) termasuk memohon kenaikan gaji penjawat awam, kerana langkah itu akan meningkatkan defisit negara.

"CUEPACS minta kaji semula, gaji ditambah. Saya setuju pada prinsipnya tetapi saya terangkan mengenai pendekatan yang dilakukan sebelumnya.

"Apa masalah kita? Kita hutang RM1.5 trilion, defisit 5.6 peratus. Kalau kita tambah gaji, defisit jadi 6.5 peratus.

"Tak ada orang nak datang melabur di negara ini kerana tidak yakin ada kekuatan tekad politik untuk mengurus negara dengan baik. Jadi sabarlah sekejap," katanya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita selepas menyampai-



Perdana Menteri beramah mesra dengan peserta pada Forum Antarabangsa mengenai Islam dan Islamofobia: Ke Arah yang Bermakna Penglibatan Melalui Pendekatan Madani di Putrajaya, semalam. (Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

kan ucapnama pada Forum Antarabangsa mengenai Islam dan Islamofobia: Ke Arah yang Bermakna Penglibatan Melalui Pendekatan Madani, di sini, pagi semalam.

Anwar berkata, kerajaan masih cuba berkongsi sedikit hasil negara dengan penjawat awam menerusi Belanjawan 2023 yang dibentangkan Jumaat lalu.

Beliau berkata, tumpuan pentadbirannya kini adalah untuk menyelamatkan miskin tegar yang berdepan kesusahan untuk hidup, berbanding kakitangan dalam sektor awam.

"Apakah ia tidak penting untuk kita selamatkan orang yang miskin tegar yang lebih teruk da-

ripada semua pekerja yang ada?

"Saya nak beri tahu ia tidak mudah untuk pesawah padi, pekebun kecil getah dan nelayan, ini semua orang susah dan miskin tegar.

"Bagi saya dia nak hidup pun susah. Kita sekurang-kurangnya hidup susah, (tapi) dia nak hidup pun susah," katanya.

Pada Jumaat lalu, Anwar membentangkan Belanjawan 2023 dengan peruntukan RM388.1 bilion, membabitkan anggaran perbelanjaan mengurus RM289.1 bilion dan RM99 bilion untuk pembangunan, termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

Dalam pembentangan belanjawan itu, kerajaan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri RM700 kepada semua pen-

jawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak, manakala RM350 akan disalurkan kepada pesara kerajaan dengan bayaran dibuat pada April 2023.

Selain bantuan khas itu, kerajaan bersetuju meneruskan kebenaran penubuhan awal Gantian Cuti Rehat sehingga 50 peratus iaitu maksimum 90 hari oleh penjawat awam.

Negara ada kira-kira 1.6 juta penjawat awam, termasuk berkhidmat dalam sektor pendidikan, pasukan keselamatan dan tenaga kerja kesihatan yang tidak diambil kira sebagai kakitangan awam di negara lain.

Jika ditolak ketiga-tiga sektor terbabit, penjawat awam di Malaysia hanya berjumlah kira-kira 600,000 orang sahaja.